

09 AUG 2001

TINDAKAN AWAL POLIS TAHAN ANGGOTA KMM TEPAT, KATA ISA

SEREMBAN, 9 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata tindakan polis menangkap beberapa individu mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri yang terbabit dalam kegiatan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) disifatkan sebagai langkah yang tepat.

"Sebenarnya kumpulan ini amat bahaya kerana ia boleh mengancam keselamatan negara," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika diminta mengulas penahanan 10 anggota KMM termasuk Nik Adli Nik Abdul Aziz, 34, anak Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana kegiatan mereka dianggap mengancam keselamatan negara. Nik Adli juga telah dinamakan sebagai ketua KMM.

Mohamed Isa berkata walaupun parti pembangkang mendakwa tindakan itu bertujuan politik tetapi sebagai kerajaan bertanggungjawab, langkah yang diambil itu ialah untuk menjaga keselamatan dan mengekalkan keamanan negara ini.

"Kita tidak boleh takut disebabkan kecaman dan tuduhan parti pembangkang itu kerana keselamatan negara mesti diutamakan. Saya fikir majoriti rakyat negara ini bersetuju dengan tindakan itu," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang, Mohamed Isa berkata beliau akan meminta semua pemimpin Umno untuk "turun ke padang" memberi penjelasan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang Melayu.

-- BERNAMA

RP MAI